Mangsa cerita kejadian berlaku sekelip mata

M Mudassir 9/4

SEREMIAN 8 April – Kejadian ribut yang merosakkan hampir 100 buah rumah di beberapa taman perumahan di sekitar bandar ini petang ini berlaku sekelip mata, disertai hujan lebat, menyebabkan beberapa kawasan lilanda banjir lumpur.

Seorang mangsa kejadian ribut di Taman Desa Angerik, **Rohaya Bahari**, 45, berkata, angin bertiup begitu kencang, seolah-olah berputar, diselang seli dengan petir berdentum.

"Saya panik dan tidak tahu nak buat apa-apa apabila bumbung rumah tercabut dan beberapa keping atap berterbangan. Kawasan dalan rumah dipenuhi air. Saya bergegas keluar dari rumah dan lihat keadaan di luar jugabegitu menakutkan.

"Ini bukan kali pertama ia berlaku. Sudah empat kali kejadian seumpama ini tetapi ini merupakan yang paling menakutkan dan teruk," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi mangsa, **Abdul Mutalib Abdul Hamid**, 42, berkata, tempat letak kereta di rumahnya diterbangkan angin kencang sejauh 500 meter.

"Saya terkejut apabila balik ke rumah, bumbung garaj sudah tiada. Bila saya sampai, banyak rumah yang rosak, surau juga turut rosak. Khemah untuk satu majlis keraian juga diterbangkan angin. Ini kejadian yang dahsyat sejak beberapa tahun," katanya.

Seorang lagi mangsa, **Espran Darmalingam**, 42, yang cedera akibat kejadian ribut itu berkata, dia menerima tujuh jahitan di kepala selepas atap genting yang berterbangan terkena kepalanya.

"Saya lihat khemah yang dipasang di hadapan rumah terbang tidak menentu seperti 'puting beliung'. Khemah itu berpusing dan terus terbang di atas atap rumah.

"Serpihan atap yang pecah itu bertaburan dan satu daripadanya terkena kepala saya. Mujurlah tidak parah, tetapi kejadian ini benar-benar menakutkan," katanya.

Dalam pada itu, di Taman Setia Hati, di sini, seorang mangsa banjir lumpur, **Mansor Ibrahim**, 60, berkata, dia nyaris dihanyutkan air deras apabila tersedar dari tidur selepas rumahnya dinaiki air sebelum dipenuhi lumpur.

"Saya tersedar apabila belakang badan terasa basah. Bila saya bangun, seluruh rumah dipenuhi lumpur. Di bahagian belakang rumah terdapat longkang besar dan airnya naik pantas, menyebabkan limpahan di rumah ini," katanya.